



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 71  
Bil. 13

**21hb Jun 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

**No. 1720.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH SELAMA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

*Laporan Mengenai Penyata Kewangan*

Penyata Kewangan Majlis Daerah Selama bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*), Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia.

Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Selama bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN  
*b.p. Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

PENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH SELAMA  
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Yong Jaw Keang dan Mohammad Saufee bin Shamsuddin yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Selama dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

YONG JAW KEANG  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Selama*  
*Tarikh: 28 April 2016*

MOHAMMAD SAUFEE BIN  
SHAMSUDDIN  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Selama*  
*Tarikh: 28 April 2016*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohd Amzari bin Mohd Arzami, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Selama, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )  
penama yang tersebut di atas )  
di Selama pada 28 April 2016 )

t.t.

.....  
MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI

*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Selama*

Di hadapan saya,

IZZIANTEE BINTI IZZAHAN  
Pesuruhjaya Sumpah  
Negeri Perak

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	13,754,167	13,773,424
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	5	334,358	222,203
Pendahuluan Pinjaman	6	28,505	25,804
Bayaran Terdahulu	7	19,275	16,102
Cagaran Dibayar	8	8,103	8,103
Wang di Bank dan di Tangan	9	827,419	710,421
Simpanan Tetap	10	150,000	150,000
		<u>1,367,660</u>	<u>1,132,633</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	11	147,856	79,625
Terimaan Terdahulu	12	7,336	5,587
Cagaran Diterima	13	221,250	193,145
		<u>376,442</u>	<u>278,357</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<u>991,218</u>	<u>854,276</u>
		<u>14,745,385</u>	<u>14,627,700</u>
<b>Dibiayai oleh:</b>			
Kumpulan Wang	14	2,319,119	2,176,170
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	15	12,426,266	12,451,530
		<u>14,745,385</u>	<u>14,627,700</u>

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Hasil Cukai	16	695,475	549,217
Hasil Bukan Cukai	17	1,109,880	979,636
Terimaan Bukan Hasil	18	2,341,373	2,201,489
		<u>4,146,728</u>	<u>3,730,342</u>
<b>Jumlah</b>		<u>4,146,728</u>	<u>3,730,342</u>

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(Sambungan)

	NOTA	2015 RM	2014 RM
Tolak:			
PERBELANJAAN			
Emolumen	19	2,602,937	2,414,476
Perkhidmatan dan Bekalan	20	793,067	856,141
Harta Modal	21	5,475	3,768
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	22	43,125	20,445
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	23	89,593	74,662
Susutnilai	4	652,193	603,299
		4,186,390	3,972,791
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan		(39,662)	(242,449)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/ Komputer	Kumpulan Wang Program Pembastrian Kemiskinan Bandar	Kumpulan Wang Rumah Rehat	Kumpulan Wang Amanah Jalanraya	Kumpulan Wang Ransangan Ekonomi	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1hb. Januari 2014	1,957,713	0	104,000	2,245	32,837	0	0	2,096,795
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun	(242,449)	0	0	0	0	0	0	(242,449)
Tambahan Sumbangan Semasa	0	560,195	0	14,464	211,557	53,564	0	839,780
Perbelanjaan	0	(260,025)	0	(11,488)	(220,273)	(26,170)	0	(517,956)
Baki pada 31hb. Disember 2014	1,715,264	300,170	104,000	5,221	24,121	27,394	0	2,176,170
Pelarasan Tahun Lalu	(9,309)	0	0	0	0	0	0	(9,309)
Baki pada 31hb. Disember 2014 Dinyatakan Semula	1,705,955	300,170	104,000	5,221	24,121	27,394	0	2,166,861
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun	(39,662)	0	0	0	0	0	0	(39,662)
Tambahan Sumbangan Semasa	0	1,221,623	0	3,594	230,774	61,488	828	1,518,307
Perbelanjaan	0	(1,010,755)	0	(5,954)	(233,832)	(75,836)	(10)	(1,326,387)
Baki pada 31hb. Disember 2015	1,666,293	511,038	104,000	2,861	21,063	13,046	818	2,319,119

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(39,662)	(242,449)
Pelarasan Untuk:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	652,193	603,299
Peruntukan Hutang Ragu	14,529	10,979
Pemberian Kerajaan	557,410	1,618,819
Pelarasan Tahun Lepas	(9,309)	493
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(582,680)	(543,537)
Kerugian daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	0	(5,998)
Peruntukan Susutnilai Terlebih Ambilkira Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan	(4) (7,603)	0 (14,876)
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan Sebelum Perubahan Modal Kerja	584,874	1,426,730
Pertambahan dalam Penghutang	(126,684)	(37,668)
Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pinjaman Kenderaan/Komputer	(2,701)	29,727
Pertambahan dalam Bayaran Terdahulu	(3,173)	(1,310)
Pertambahan dalam Pemiutang	68,231	6,594
Pertambahan dalam Terimaan Terdahulu	1,749	915
Pertambahan dalam Pertaruhan Diterima	28,105	52,185
Pertambahan dalam Kumpulan Wang	191,921	321,824
Aliran Tunai Bersih Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi	742,322	1,798,997
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan		
Terimaan Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	7,603	14,876
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	0	6,000
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(632,927)	(1,628,499)
Aliran tunai bersih digunakan untuk Aktiviti Pelaburan	(625,324)	(1,607,623)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(sambungan)

	2015 RM	2014 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kewangan		
Pertambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	116,998	191,374
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	860,421	669,047
	977,419	860,421
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	977,419	860,421
Diwakili Oleh:		
Wang di Bank dan di Tangan	827,419	710,421
Simpanan Tetap	150,000	150,000
	977,419	860,421

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA  
KEWANGAN 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Selama ke Arah Bandar Lestari Berasaskan Pertanian Moden, Persekitaran Yang Kondusif, Selamat dan Sejahtera Menjelang Tahun 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Majlis Daerah Selama adalah sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti melalui perancangan pembangunan yang teratur dan perkhidmatan sosial dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan awam serta kemudahan sosial dan rekreasi.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 7 Jabatan dan 5 unit iaitu:

1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

1.3.2 Jabatan Perbendaharaan

1.3.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



## 1.3 STRUKTUR ORGANISASI—(Sambungan)

- 1.3.4 Jabatan Kesihatan Awam
- 1.3.5 Jabatan Perancang Bandar
- 1.3.6 Jabatan Kejuruteraan
- 1.3.7 Jabatan Kawalan Bangunan
- 1.3.8 Unit Korporat dan Perhubungan Awam
- 1.3.9 Unit Pusat Sehenti
- 1.3.10 Unit Undang-undang
- 1.3.11 Unit Audit Dalam
- 1.3.12 Unit Teknologi Maklumat

## 1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Waran Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pentadbiran dan Diplomatik	-	Yang Dipertua (Ketua Pen. Peg. Daerah)	1
Pengurusan dan Profesional	1	Tetap	1
Kumpulan Pelaksana	91	Tetap Kontrak	69 2
Jumlah	92		73

## 1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 16 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- iii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan
- iv. Undang-undang Kecil yang diluluskan

Lembaga /Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Lembaga Perlantikan Anggota
- ii. Lembaga Kenaikan Pangkat
- iii. Lembaga Tatatertib
- iv. Jawatankuasa Kecil Pembukaan Sebutharga dan Penilaian Tender
- v. Jawatankuasa Kecil Penerimaan Sebutharga
- vi. Jawatankuasa Kecil Bantahan/Cukai Taksiran
- vii. Jawatankuasa Kecil Lalulintas

## 1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(*Sambungan*)

- viii. Jawatankuasa Kecil Pelesenan, Pengiklanan, Penjaja Kecil dan Penguatkuasa.
- ix. Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Pengindahan
- x. Jawatankuasa Kecil Kewangan
- xi. Jawatankuasa Kecil Sosial, Pendidikan dan LA. 21
- xii. Jawatankuasa Pelaburan, Penswastaan dan Hartanah
- xiii. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

## 1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperoleh pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

#### 2.1.1 Kos Sejarah

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

#### 2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

##### i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio, dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

##### ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

##### iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambil kira berdasarkan asas tunai.

### 2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

## 2.2 Tunai dan kesetaraan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, overdraf dan simpanan tetap yang mana risiko pertukaran nilai tunai adalah tidak signifikan. Kaedah penyediaan penyata aliran tunai adalah disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

## 2.3 Manfaat Pekerja

### 2.3.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun ini di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Majlis Daerah Selama.

### 2.3.2 Pelan Sumbangan Yang Diiktiraf

Majlis membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Kumpulan Wang Persaraan dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan bila ia tertanggung.

## 2.4 Rosotnilai Aset

Nilai dibawa aset akan dinilai sama ada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai boleh pulih aset berkenaan.

Kerugian rosotnilai diambil kira di dalam penyata pendapatan. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset tersebut diambil kira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa aset tersebut yang boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambil kira di dalam penyata pendapatan.

## 2.5 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

Harta Modal iaitu Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) dan ke atas setiap satu; atau Aset Alih yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan asal. Penyelenggaraan seperti yang telah disyaratkan di dalam manual/buku panduan pengguna. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000.00 dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb. Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb. Jun akan disusutnilaikan pada tahun berikutnya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah Milik Pajakan	:	Tempoh Pajakan 99 tahun
Bangunan	:	2% setahun
Gerai	:	5% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Peralatan	:	20% setahun
Kelengkapan Pejabat	:	20% setahun

## 2.6 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

## 2.7 Pendapatan Geran

2.7.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerjaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambil kira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

2.7.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertanggung—Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambil kira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama dimana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

## 2.8 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

## 2.9 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang—Pinjaman Dari Kerajaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

## 2.10 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambil kira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

## 2.11 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu sebanyak 5% setahun. Elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

## 2.12 Hapus Kira Hutang Lapuk

Hutang-hutang lapuk yang dikenal pasti akan dihapus kira dan diiktiraf sebagai belanja dalam tahun.

## 2.13 GST

Mulai 1 April 2015 Majlis telah melaksanakan GST berdasarkan Bahagian 8, Seksyen 64 Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. GST tidak dikenakan bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan kawal selia seperti cukai taksiran, lesen dan denda dan hukuman. Terdapat 2 jenis cukai seperti berikut:

### i) Cukai Output

Cukai yang dikenakan ke atas hasil yang diterima daripada pengguna. Aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus rakyat, GST diserap oleh Majlis manakala aktiviti yang berbentuk komersial GST dikenakan kepada pengguna. Pengiraan GST berdasarkan asas tunai.

### ii) Cukai Input

Adalah cukai ke atas perolehan barang dan perkhidmatan. Pengiraan GST cukai input berdasarkan asas tunai.

## 3. Pemilikan Tanah

Tanah-tanah yang dipohon telahpun diberi hakmilik dengan Pajak Negeri, Pajak Mukim, Geran Mukim dan Hakmilik Sementara.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2015	Tanah	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilai							
Baki Awal Tahun	706,506	15,013,301	2,897,895	1,568,978	274,785	579,404	21,040,869
Tambahan	0	510,430	0	65,407	1,000	56,090	632,927
Baki Akhir Tahun	706,506	15,523,731	2,897,895	1,634,385	275,785	635,494	21,673,796
Susutnilai Berkumpul							
Baki Awal Tahun	112,264	3,821,451	1,731,939	876,419	262,637	462,735	7,267,445
Susutnilai Semasa	7,136	298,710	106,704	200,874	4,395	34,374	652,193
Pelarasan	0	0	(9)	0	0	0	(9)
Baki Akhir Tahun	119,400	4,120,161	1,838,634	1,077,293	267,032	497,109	7,919,629
Nilai Buku Bersih	587,106	11,403,570	1,059,261	557,092	8,753	138,385	13,754,167

Tahun 2014	Tanah	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaian							
Baki Awal Tahun	706,506	13,699,404	2,615,641	1,618,978	433,115	586,130	19,659,774
Tambahan	0	1,322,965	282,254	0	4,350	18,930	1,628,499
Pelupusan	0	(9,068)	0	(50,000)	(162,680)	(25,656)	(274,404)
Baki Akhir Tahun	706,506	15,013,301	2,897,895	1,568,978	274,785	579,404	21,040,869
Susutnilai Berkumpul							
Baki Awal Tahun	105,127	3,555,707	1,637,761	738,626	421,673	452,622	6,911,516
Susutnilai Semasa	7,137	274,811	94,178	187,792	3,625	35,756	603,299
Pelupusan	0	(9,067)	0	(49,999)	(162,661)	(25,643)	(247,370)
Baki Akhir Tahun	112,264	3,821,451	1,731,939	876,419	262,637	462,735	7,267,445
Nilai Buku Bersih	594,242	11,191,850	1,165,956	692,559	12,148	116,669	13,773,424

## 5. PENGHUTANG

	2015	2014
	RM	RM
Cukai Taksiran Am	237,752	219,843
Carum Bantu Kadar Badan Berkanun	33,851	0
Sewaan	85,188	50,007
Notis E	68,979	40,075
Waran F	78	78
Air Penyewa Gerai	13,406	13,508
Penghutang GST	10,941	0
	<u>450,195</u>	<u>323,511</u>

## Tolak: Elaun Hutang Ragu Terkumpul

Cukai Taksiran Am	67,957	59,021
Sewaan	36,432	33,866
Notis E	11,448	8,421
	<u>115,837</u>	<u>101,308</u>
	<u>334,358</u>	<u>222,203</u>

## 6. PENDAHULUAN PINJAMAN

## 6.1 Pendahuluan Pinjaman Kenderaan

Baki pada 1hb. Januari	9,964	18,379
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	4,700	0
Pulang Balik Lebihan Bayaran	0	69
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(4,313)	(8,484)
Baki pada 31hb. Disember	<u>10,351</u>	<u>9,964</u>



	2015 RM	2014 RM
6.2 Pendahuluan Pinjaman Komputer		
Baki pada 1hb. Januari	15,840	37,152
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	10,000	0
Pulang Balik Lebihan Bayaran	0	300
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(7,686)	(21,612)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb. Disember	18,154	15,840
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Pendahuluan Pinjaman	28,505	25,804
	<hr/>	<hr/>
7. BAYARAN TERDAHULU		
Insuran Premium	19,240	16,042
Lesen Memandu	35	60
	<hr/>	<hr/>
	19,275	16,102
	<hr/>	<hr/>
8. CAGARAN DIBAYAR		
Cagaran Air	8,103	8,103
	<hr/>	<hr/>
	8,103	8,103
	<hr/>	<hr/>
9. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Akaun Semasa	109,597	233,090
Akaun Wang Pertaruhan	134,513	105,014
Akaun Wang Perkhidmatan Kemajuan	511,471	301,334
Akaun Program Kemiskinan Bandar	2,861	5,839
Akaun Ransangan Ekonomi	807	828
Akaun MDSelama Online	14,581	8,195
Akaun BSN	18,221	2,697
Akaun Rumah Rehat	20,633	23,621
Akaun Jalanraya	12,335	27,457
Panjar Wang Runcit	500	500
Panjar Wang Runcit Rumah Rehat	500	500
Mesin Franking dan Setem	611	1,058
Touch N Go	789	288
	<hr/>	<hr/>
	827,419	710,421
	<hr/>	<hr/>

	2015	2014
	RM	RM
10. SIMPANAN TETAP		
BSN 822142000012519	50,000	50,000
BSN 822142000012493	50,000	50,000
BSN 822142000012501	50,000	50,000
	<u>150,000</u>	<u>150,000</u>
11. PEMIUTANG		
Bayaran audit	9,086	9,086
Cek Tidak Tuntut	3,582	2,135
Pelbagai Pemiutang	135,188	67,904
Sewaan	0	500
	<u>147,856</u>	<u>79,625</u>
12. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	5,504	2,996
Carum Bantu Kadar	120	1,009
Sewaan	1,392	1,210
Air Penyewa Gerai	0	52
Bayaran Peguam	320	320
	<u>7,336</u>	<u>5,587</u>
13. CAGARAN DITERIMA		
Cagaran Sewa dan Lain-Lain	221,250	193,145
	<u>221,250</u>	<u>193,145</u>

	2015	2014
	RM	RM
<b>14. KUMPULAN WANG</b>		
<b>14.1 Kumpulan Wang Terkumpul</b>		
Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun	(39,662)	(242,449)
Baki pada 1hb. Januari	1,715,264	1,957,220
Jumlah Pelarasan Tahun Lalu:		
Akaun Pemiutang	(9,858)	(907)
Akaun Penghutang	545	966
Akaun Terimaan Terdahulu	0	434
Susutnilai Terlebih Ambilkira	4	0
	(9,309)	493
Baki selepas pelarasan	1,705,955	1,957,713
Baki pada 31hb. Disember	1,666,293	1,715,264
<b>14.2 Kumpulan Wang Perkhidmatan     Kemajuan</b>		
Baki pada 1hb. Januari	300,170	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	1,221,623	560,195
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(1,010,755)	(260,025)
	511,038	300,170
<b>14.3 Kumpulan Wang Pendahuluan     Pinjaman</b>		
Baki pada 1hb. Januari	104,000	104,000
Baki pada 31hb. Disember	104,000	104,000

	2015	2014
	RM	RM
14.4 Kumpulan Wang Program Pembasmian Kemiskinan Bandar		
Baki pada 1hb. Januari	5,221	2,245
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	3,594	14,464
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(5,954)	(11,488)
Baki pada 31hb. Disember	2,861	5,221
14.5 Kumpulan Wang Rumah Rehat		
Baki pada 1hb. Januari	24,121	32,837
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	230,774	211,557
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(233,832)	(220,273)
Baki pada 31hb. Disember	21,063	24,121
14.6 Kumpulan Wang Amanah Jalanraya		
Baki pada 1hb. Januari	27,394	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	61,448	53,564
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(75,836)	(26,170)
Baki pada 31hb. Disember	13,046	27,394
14.7 Kumpulan Wang Rangsangan Ekonomi		
Baki pada 1hb. Januari	0	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	828	0
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(10)	0
Baki pada 31hb. Disember	818	0
Jumlah Kumpulan Wang-Kumpulan Wang	2,319,119	2,176,170

## 15. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan Geran Kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan.

Tahun 2015	Baki Pada 01.01.2015	Pelarasan Awal Tahun	Tambahan Dalam Tahun	Pelupusan Dalam Tahun	Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada 31.12.2015
Jenis Harta	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	10,555,561	0	510,430	0	(279,855)	10,786,136
Gerai	1,164,457	5	0	0	(106,204)	1,058,258
Kenderaan	634,717	0	0	0	(168,512)	466,205
Peralatan	8,076	0	0	0	(3,007)	5,069
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	88,720	0	46,980	0	(25,102)	110,598
	12,451,531	5	557,410	0	(582,680)	12,426,266

  

Tahun 2014	Baki Pada 01.01.2014	Pelarasan Awal Tahun	Tambahan Dalam Tahun	Pelupusan Dalam Tahun	Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada 31.12.2014
Jenis Harta	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	9,488,553	0	1,322,965	(1)	(255,956)	10,555,561
Gerai	975,881	0	282,254	0	(93,679)	1,164,456
Kenderaan	803,229	0	0	0	(168,512)	(634,717)
Peralatan	5,883	0	4,350	(19)	(2,138)	8,076
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	102,734	0	9,250	(12)	(23,252)	88,720
	11,376,280	0	1,618,819	(32)	(543,537)	12,451,530

	2015 RM	2014 RM
<b>16. HASIL CUKAI</b>		
Cukai Taksiran Am	546,285	514,115
Carum Bantu Kadar	149,190	35,102
	<u>695,475</u>	<u>549,217</u>
<b>17. HASIL BUKAN CUKAI</b>		
Lesen dan Bayaran Pendaftaran	197,811	208,402
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	58,961	34,661
Perolehan dari Jualan Barang-barang	9,453	17,763
Sewaan	636,558	529,880
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	7,603	14,876
Denda dan Hukuman	76,798	87,047
Terimaan Pelbagai	122,696	87,007
	<u>1,109,880</u>	<u>979,636</u>
<b>18. TERIMAAN BUKAN HASIL</b>		
Sumbangan Tempatan	0	500
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	890,866	887,986
Sumbangan Kerajaan Negeri	850,000	765,000
Terimaan Yang Lain	17,828	4,467
Pindahan dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	582,679	543,536
	<u>2,341,373</u>	<u>2,201,489</u>
<b>19. EMOLUMEN</b>		
Gaji dan Upah	1,567,020	1,492,317
Elaun Tetap	489,727	475,200
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	273,134	259,867
Elaun Lebih Masa	173,904	151,472
Faedah Kewangan	99,152	35,620
	<u>2,602,937</u>	<u>2,414,476</u>

	2015	2014
	RM	RM
<b>20. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>		
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	39,086	33,475
Pengangkutan Barang-barang	0	617
Perhubungan dan Utiliti	373,782	373,407
Sewaan	0	2,720
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	118,477	127,150
Bekalan dan Bahan-bahan	47,284	66,329
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	38,761	69,452
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	175,677	182,991
	<u>793,067</u>	<u>856,141</u>
<b>21. HARTA MODAL</b>		
Harta Modal Yang Lain (Inventori)	5,475	3,768
	<u>5,475</u>	<u>3,768</u>
<b>22. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>		
Pemberian Dalam Negeri	39,990	11,010
Gantian Cuti Rehat	3,135	9,435
	<u>43,125</u>	<u>20,445</u>
<b>23. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN</b>		
Pulangan Balik dan Hapus Kira	0	2
Bayaran-bayaran Yang Lain	75,064	63,681
Perbelanjaan Bukan Kewangan	14,529	10,979
	<u>89,593</u>	<u>74,662</u>

---

---

#### 24. ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian dari angka-angka perbandingan telah disusun semula di mana perlu untuk disesuaikan dengan persembahan semasa penyata kewangan ini.

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA